

AKHBAR : BERITAHARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : ISU

KETUA JABATAN ORTOPEDIK DIDAKWA LAKUKAN GANGGUAN SEKSUAL

Doktor pakar dipecat Rabu lalu

→ Seri Paduka perkenan tamatkan perkhidmatan

Oleh Siti A'isyah Sukaimi
sitiaisyah@nstp.com.my

Putrajaya

Doktor pakar yang juga ketua jabatan sebuah hospital di Lembah Klang, yang didakwa terbabit dengan kes gangguan seksual, sudah dipecat berkuat kuasa Rabu lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata Yang di-Pertuan Agong sudah memperkenankan untuk menamatkan perkhidmatan doktor pakar terbabit berkuat kuasa 14 November dan surat penamatan perkhidmatan itu disampaikan kepadanya kelmarin.

Hasil perbincangan JPA, AGC

"Jawatankuasa Siasatan Khas sudah selesai menjalankan siasatan pada 23 Oktober.

"Laporan lengkap siasatan jawatankuasa itu diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 24 Oktober sebelum JPA mengadakan perbincangan dengan Pejabat Peguam Negara (AGC).

"Keputusan daripada hasil perbincangan antara JPA dan AGC diangkat untuk mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong selepas mendapat nasihat daripada Peja-

bat Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan, semalam.

Jawatankuasa siasatan

Sebelum ini, Ketua Jabatan Ortopedik sebuah hospital awam itu digantung daripada menjalankan tugas selama dua bulan bermula 17 September lalu.

Keputusan menggantung tugas ketua jabatan yang sebelum ini diarahkan untuk bercuti dibuat oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) bagi membolehkan siasatan lanjut dijalankan oleh pihak yang berkenaan, termasuk Kementerian Kesihatan.

Pada 24 September lalu, Jawatankuasa Siasatan Khas ditubuhkan untuk melengkapkan maklumat siasatan awal oleh Badan Siasatan Bebas, berhubung dakwaan salah laku seksual oleh seorang ketua jabatan di sebuah hospital di Lembah Klang.



Yang di-Pertuan Agong sudah perkenankan untuk tamat perkhidmatan doktor pakar terbabit berkuat kuasa 14 November dan surat penamatan khidmat itu disampaikan kepadanya kelmarin"

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan



Keratan akhbar
BH 12 November lalu.